

Volume 2, Number 2, 2007

ISSN: 1823-884x

## **IMPAK PEMBANGUNAN LANGKAWI KE ATAS CORAK PEKERJAAN DAN GUNA TENAGA DI PULAU DAYANG BUNTING, LANGKAWI**

(The Impact of Langkawi Development on Occupation and Employment Patterns in Pulau Dayang Bunting, Langkawi)

Ishak Yussof, Mustaffa Omar & Gusni Saat

### **ABSTRAK**

Artikel ini menganalisis corak pekerjaan dan guna tenaga dalam kalangan penduduk Pulau Dayang Bunting, Langkawi. Data yang digunakan dalam penulisan ini diperolehi daripada soalselidik yang dibuat secara banci melalui satu kerjalapangan pada bulan Mei-Jun 2005. Analisis data adalah menggunakan kaedah taburan dan jadual silang ke atas aspek-aspek penting berkaitan aktiviti ekonomi penduduk. Analisis ini dianggap penting untuk melihat impak pembangunan Langkawi ke atas tahap penyertaan buruh dan masalah pengangguran, struktur guna tenaga dan jenis pekerjaan serta implikasinya ke atas tingkat pendapatan penduduk. Tumpuan analisis adalah ke atas ciri-ciri dan jenis pekerjaan yang diceburi (pekerjaan utama dan sampingan), struktur guna tenaga mengikut sektor, tingkat pendapatan, tingkat kemahiran dan taraf pendidikan penduduk. Isu dan masalah berkaitan aspek pekerjaan dan guna tenaga di kawasan kajian turut dibincangkan. Hasil kajian mendapati berlaku 'kesan surutan' kerana sebahagian besar tenaga buruh produktif yang ingin menyertai pasaran pekerjaan dari pulau ini terpaksa berpindah atau berulang alik ke pulau besar Langkawi. Ini disebabkan peluang pekerjaan banyak terdapat di sana, terutama di sekitar pekan Kuah. Pemerhatian pengkaji semasa di lapangan menunjukkan bahawa tidak banyak aktiviti-aktiviti ekonomi moden yang berkembang di pulau kajian. Sebaliknya, aktiviti ekonomi penduduk lebih berkisar kepada kegiatan tradisional terutama dalam sektor perikanan dan pertanian. Ketiadaan peluang pekerjaan yang bersesuaian telah menyebabkan kadar pengangguran di kawasan kajian juga agak tinggi berbanding kawasan-kawasan lain di tanah besar Langkawi.

**Katakunci:** pembangunan ekonomi, tenaga buruh, guna tenaga, pekerjaan, pengangguran.

### **ABSTRACT**

This article analyses occupation and employment pattern amongst community in Pulau Dayang Bunting, Langkawi. Data for this study is gathered via questionnaire administered using census method through a fieldwork conducted in May-June 2005. We used frequency distributions and cross tabulation method to analyse data related to the community's economics activities. The analysis is important to evaluate the impact of Langkawi development on the labour participation rate and unemployment problems, employment structure and types of occupation, and the implication on their income level. The analysis focuses on the characteristics and types of occupation (main and part-time jobs), employment structure by sector, income, skills and their level of education. Issues and problems related with the current occupation and employment status of the respondents are also discussed. Our study shows that the labour force is shrinking due to the outflow of the productive labor force to the main island of Langkawi. They prefer to commute or moved to the main island since most occupations are located in Kuah or the surroundings. Our observation during the fieldwork shows that modern economic activities are very limited and is not expanding in Pulau Dayang Bunting. In contrast, the community economic activities concentrated mainly on traditional economic activities, in particular fishing

and agriculture. Unemployment rate in Pulau Dayang Bunting is relatively high due to limited job opportunity compared with other area in the mainland of Langkawi.

**Keywords:** economic development, labour force, employment, occupation, unemployment

---

## **PENGENALAN**

Sejak perisytiharannya sebagai pulau bebas cukai dan juga salah satu destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini, Pulau Langkawi dikatakan telah terlepas daripada sumpahan Mahsuri. Sejak 1987, Langkawi mula dikenali dalam kalangan pengunjung tempatan dan juga pelancong di peringkat antarabangsa. Pelbagai rancangan pembangunan dan aktiviti pelancongan menarik telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta demi membawa semula Langkawi dalam arus perdana pembangunan negara. Sejak itu, Langkawi telah mengalami suatu anjakan besar daripada segi ekonomi dan juga tahap pembangunan.

Sekilas pandang, ramai bersetuju Langkawi telah melalui suatu proses transformasi ekonomi yang ketara. Jika dulu, aktiviti bertani dan menangkap ikan secara tradisional merupakan sumber utama pekerjaan penduduk di sini, namun kini ia telah mula diambil alih oleh sektor perniagaan dan perkhidmatan. Namun persoalannya, sejauh manakah proses transformasi ekonomi di Pulau Langkawi telah membawa kesan positif terhadap struktur dan peluang pekerjaan serta tingkat pendapatan terutama di kalangan penduduk setempat. Sekiranya dikatakan sektor perniagaan dan pelancongan telah berkembang pesat berikutan perisytiharan status pulau ini sebagai pulau bebas cukai dan destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa, sejauhmana pula penglibatan penduduk tempatan dalam sektor tersebut?

Kajian dalam siri yang sama ke atas masyarakat di Lembangan Kilim, Langkawi sebelum ini menunjukkan bahawa kesan penitisan daripada transformasi ekonomi yang berlaku adalah agak sederhana dan tidak menyeluruh (Ishak Yussof & Mustaffa Omar 2005). Penelitian terhadap aktiviti ekonomi khususnya dari segi jenis pekerjaan adalah mustahak kerana ia mempunyai pertalian langsung dengan tingkat pendapatan penduduk dan seterusnya tingkat kebajikan, keadaan kemiskinan dan kesejahteraan mereka.

Secara teori, proses pembangunan boleh menyebabkan berlaku transformasi ekonomi dan seterusnya memberi impak ke atas corak aktiviti ekonomi dan pendapatan penduduk setempat (Garegnani 1970). Teori dan model pembangunan ekonomi yang dikemukakan oleh Meier (1985), Thirwall (1989) dan Todaro (1994) cenderung menggunakan indikator struktur pekerjaan penduduk untuk menilai proses transformasi ekonomi yang berlaku. Dalam sesuatu rancangan pembangunan, adalah penting untuk memastikan bahawa pembangunan ekonomi yang berlaku boleh memberi impak yang besar terhadap struktur pekerjaan penduduk. Untuk mencapai pembangunan yang lestari, penduduk harus ikut serta secara aktif dalam proses transformasi tersebut (Anand & Sen 2000). Peminggiran penduduk dari arus pembangunan yang sedang berlangsung boleh menyebabkan matlamat asal pembangunan tidak kesampaian. Malah, keadaan ini boleh memburukkan lagi suasana kehidupan masyarakat setempat kerana masalah tekanan hidup yang semakin meningkat yang dibawa oleh arus pembangunan semasa. Kegagalan

masyarakat setempat mengadaptasi diri dengan persekitaran pembangunan yang berlaku boleh menyebabkan mereka terus dihimpit dengan kemelut kemiskinan (Ranis, Stewart & Ramirez 2000).

Artikel ini memberi tumpuan khusus kepada perubahan corak pekerjaan dan guna tenaga di kalangan penduduk Pulau Dayang Bunting, Langkawi. Pemilihan pulau kecil ini sebagai kawasan kajian adalah semata-mata untuk melihat kesan limpahan pembangunan Langkawi ke atas kawasan dan pulau-pulau kecil di sekitarnya. Perbincangan di sini meliputi analisis terhadap ciri-ciri tenaga buruh, iaitu meneliti profil tenaga buruh di kawasan kajian dari segi penawaran, kadar penyertaan tenaga buruh berkenaan dalam pekerjaan utama dan sampingan, tingkat pendapatan, pencapaian pendidikan dan kemahiran khusus, situasi pengangguran yang berlaku serta masalah yang berkaitan dengannya.

## **KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI KAJIAN**

Data untuk tujuan analisis diperolehi daripada hasil kajian menggunakan soalselidik yang dijalankan pada bulan Mei-Jun 2005. Kaedah bancian telah dilakukan ke atas keseluruhan isirumah di Pulau Dayang Bunting. Pendekatan pembancian digunakan kerana jumlah penduduk yang mendiami pulau ini tidak ramai, ditambah pula dengan bentuk penempatannya yang memanjang di sepanjang pesisir pantai pulau tersebut. Di pulau ini, jaringan jalanraya dan sistem pengangkutannya agak baik dan ini telah memudahkan pengkaji untuk sampai ke semua petempatan penduduk di pulau ini. Jumlah responden yang berjaya dibanci meliputi 402 orang daripada keseluruhan 85 buah keluarga. Jumlah ini didapati lebih kecil bilangannya berbanding jumlah penduduk dan isirumah yang dianggarkan oleh kajian-kajian sebelum ini (Majlis Daerah Langkawi 2002). Analisis dibuat secara deskriptif dengan menggunakan data keratan rentas. Selain itu, pendekatan pemerhatian turut digunakan sewaktu di lapangan bagi mengesan aspek-aspek yang dirasakan penting dalam kajian ini.

Kajian lepas menunjukkan Langkawi telah membangun dengan pesat sejak hampir dua dekad yang lalu. Ini ditunjukkan oleh transformasi ekonomi yang berlaku di pulau ini, di mana semenjak dahulu sangat bergantung kepada aktiviti berasaskan pertanian dan penangkapan ikan, tetapi kini mula beralih kepada sektor-sektor yang lebih moden seperti pembuatan, perniagaan dan perkhidmatan (Ishak Yussof & Mustaffa Omar 2005). Dianggarkan setiap tahun, sekitar 1.8 juta pelancong telah mengunjungi pulau ini, dan jumlah ini merupakan 17.6% daripada jumlah keseluruhan pelancong yang melawat negara ini setiap tahun (Majlis Daerah Langkawi 2000). Jumlah ini boleh dianggap besar dan sekaligus membuktikan bahawa Pulau Langkawi mempunyai potensi untuk bertumbuh sebagai destinasi pelancongan terpenting di negara ini.

Daripada pemerhatian di lapangan, Langkawi mempunyai banyak produk pelancongan yang menarik yang telah dan sedang dibangunkan oleh pihak berkuasa tempatan, terutamanya oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Antaranya termasuklah Makam Mahsuri, Galeria Perdana, Dataran Lang, Taman Lagenda, Laman Padi, kereta kabel Machincang, Telaga Harbour di Telok Burau, pusat kraftangan dan padang golf. Produk-produk ini bukan sahaja berupaya menarik kehadiran para pelancong tempatan, malahan juga pelancong dari luar negara. Langkawi juga terkenal

dengan kewujudan pulau-pulau yang indah dan unik daripada segi geologi dan lanskap sehingga melebihi 100 buah pulau semuanya. Namun begitu, selain pulau besar Langkawi, hanya empat buah pulau lain yang didapati berpenghuni iaitu Pulau Tuba, Pulau Dayang Bunting, Pulau Rebak dan Pulau Beras Basah (Anwar Abd Rahman & Nik Husni Nik Rashid 2005).

Pulau Dayang Bunting terletak pada kedudukan enam kilometer ke selatan pekan Kuah. Pulau ini boleh dikunjungi melalui jalan laut dengan menggunakan bot penambang mengambil masa lebih kurang 25 minit. Namun begitu, masa perjalanan adalah jauh lebih singkat sekiranya menggunakan perkhidmatan bot laju. Kemudahan jeti ke pulau ini adalah agak baik, dan ini telah memudahkan perhubungan penduduk dengan pulau besar Langkawi. Daripada segi pentadbiran, pulau ini bersama Pulau Tuba terletak di bawah pentadbiran Mukim Kuah.

Struktur fizikal dan bentuk muka bumi pulau ini amat mempengaruhi aktiviti ekonomi penduduknya. Pemerhatian umum menunjukkan bahawa aktiviti utama penduduk tempatan adalah sangat berkait dengan hasil laut dan pertanian. Misalnya, sebahagian besar penduduk pulau ini terlibat dalam aktiviti penanaman getah di bawah urus tadbir FELCRA. Selain itu, aktiviti penangkapan ikan juga agak dominan, di samping kegiatan pertanian getah dan penternakan. Terdapat juga sebahagian kecil penduduk, terutamanya golongan muda yang berulang-alik ke pulau besar Langkawi, bekerja sebagai pekerja makan gaji dalam sektor pemiagaan dan perkhidmatan. Ini kerana pekerjaan dalam sektor formal amat terhad di pulau ini. Pulau ini juga mempunyai beberapa produk pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan. Misalnya, kemudahan rekreasi yang terdapat di Tasik Dayang Bunting, Gua Kelawar, Pulau Pasir, *home-stay*, aktiviti memancing dan kemudahan penginapan (*chalet* dan motel) yang sederhana murah.

Saudah Ahmad (2003), melaporkan setiap tahun dianggarkan sekitar 6 ribu pelancong telah melawat kedua-dua Pulau Tuba dan Pulau Dg. Bunting ini. Separuh daripada mereka ini merupakan pelancong yang datang melawat keluarga, sanak saudara dan rakan yang pada kebiasaannya menginap di rumah saudara mara ataupun pelancong harian. Pemerhatian awal menunjukkan bahawa usaha untuk membangunkan produk pelancongan di Pulau Dg. Bunting setakat ini masih di tahap rendah. Memandangkan strategi pembangunan Langkawi adalah berasaskan industri pelancongan, maka usaha-usaha yang lebih agresif untuk memajukan produk pelancongan di pulau ini perlu dilakukan. Sekiranya pulau ini berupaya menarik sekurang-kurangnya satu peratus daripada pelancong yang melawat Langkawi (iaitu 18 ribu daripada 1.8 juta pelancong), ia sudah tentu boleh membantu penduduk setempat memajukan ekonomi masing-masing.

## **HASIL KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan hasil analisis kajian berhubung dengan kesan pembangunan Langkawi ke atas masyarakat setempat yang mendiami pulau kecil ini. Analisis telah ditumpukan ke atas struktur tenaga buruh dan guna tenaga serta implikasinya ke atas tingkat pendapatan penduduk. Penelitian dilakukan dengan membandingkan status dan keadaan semasa ekonomi penduduk di kawasan kajian dengan keadaan yang berlaku di pulau besar Langkawi. Persoalan yang ingin dilihat ialah

berhubung dengan kemampuan pembangunan ekonomi daripada sudut corak pekerjaan yang diceburi. Dalam perkataan lain, sejauh manakah pembangunan dan proses transformasi ekonomi yang berlaku di pulau besar Langkawi telah memberi impak ke atas struktur pekerjaan dan taraf hidup penduduk yang mendiami pulau ini? Adakah berlaku peralihan struktur pekerjaan di kalangan penduduk setempat, dan apakah wujud peluang-peluang pekerjaan baru dalam sektor moden untuk mereka? Sejauh manakah pula dampak pembangunan Langkawi telah memberi kesan penitisan ke bawah di kawasan kajian?

#### (a) Profil Tenaga Buruh

Daripada segi ekonomi, tenaga buruh adalah dirujuk sebagai penduduk yang berada dalam kumpulan umur produktif, iaitu berusia di antara 15 hingga 64 tahun. Negara atau kawasan yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai dalam kategori umur ini pada umumnya mempunyai kekuatan daripada segi penawaran tenaga buruhnya. Jadual 1 menunjukkan bahawa komposisi penduduk yang berada dalam usia produktif di pulau kecil ini agak besar, iaitu 61.8%. Mengikut pecahan jantina pula, peratus penduduk wanita yang berada dalam kumpulan umur ini adalah sebanding tinggi (62.1%) dengan penduduk lelaki (61.5%). Walaupun begitu, tidak semua mereka terutamanya penduduk wanita dalam kumpulan umur produktif ini aktif dalam pasaran buruh kerana alasan-alasan tertentu. Misalnya, disebabkan ingin melanjutkan pelajaran, sedang mengikuti latihan kemahiran tertentu, memilih menjadi suri rumah sepenuh masa, menghadapi masalah kesihatan atau seumpama.

Jadual 1: Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur di Pulau Dayang Bunting, 2005

Kumpulan Umur	Jumlah		Lelaki		Wanita	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
< 15	134	33.5	75	34.4	59	32.4
15 – 64	247	61.8	134	61.5	113	62.1
> 64	19	4.8	9	4.1	10	5.5
Jumlah	400	100.0	218	100.0	182	100.0

Oleh itu penelitian yang lebih terperinci daripada segi taburan penduduk mengikut umur adalah penting terutama yang melibatkan mereka dalam kumpulan umur produktif lagi aktif, khususnya dalam kategori umur 25 hingga 54 tahun. Jadual 2 menunjukkan taburan lebih terperinci jumlah penduduk di kawasan kajian mengikut kumpulan umur masing-masing. Peratus penduduk yang berada dalam kategori umur produktif iaitu 25 hingga 54 tahun adalah agak besar (60.4%) di pulau ini.

Ini bermaksud walaupun jumlah penduduk di pulau ini secara relatifnya adalah jauh lebih kecil berbanding pulau-pulau lain di sekelilingnya, namun peratus tenaga buruhnya adalah agak besar. Maklumat selanjutnya menunjukkan bahawa sekitar 40% penduduk di kawasan kajian berada dalam kumpulan umur 25 hingga 44 tahun. Ini membayangkan bahawa sebahagian besar tenaga buruh di pulau tersebut adalah dalam usia muda lagi aktif dan produktif. Oleh itu penciptaan peluang-peluang pekerjaan di kawasan ini perlu mengambil kira fakta ini supaya penggunaan tenaga kerja dapat dimanfaatkan pada tahap optimum.

Jadual 2: Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Produktif (15-64 tahun) di Pulau Dayang Bunting, 2005

Kumpulan Umur	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
15-24	36	26.9	38	33.6	74	29.9
25-44	55	41.1	44	38.9	99	40.2
45-54	26	19.4	24	21.2	50	20.2
55-64	17	12.7	7	6.2	24	9.7
Jumlah	134	100.0	113	100.0	247	100.0

**(b) Kadar Penyertaan Tenaga Buruh**

Jadual 1 sebelum ini menunjukkan bahawa jumlah penduduk dalam kategori umur produktif (15-64 tahun) adalah seramai 247 orang di Pulau Dayang Bunting. Namun seperti yang dinyatakan sebelum ini, tidak semua penduduk dalam kategori umur ini berada dalam pasaran buruh. Jadual 3 menunjukkan bahawa hanya 53.4% sahaja daripada jumlah penduduk dalam kumpulan umur produktif ini bekerja. Maklumat selanjutnya menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada penduduk yang tidak bekerja ini adalah terdiri daripada golongan wanita yang juga merupakan suri rumah sepenuh masa.

Jadual 3: Tenaga Buruh Bekerja/Tidak Bekerja Mengikut Jantina di Pulau Dayang Bunting, 2005

Jantina	Ya		Tidak		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	105	79.5	29	25.2	134	54.3
Wanita	27	20.5	86	74.8	113	45.7
Jumlah	132	100.0	115	100.0	247	100.0

Dalam konteks ekonomi buruh, mereka yang membuat keputusan untuk tidak bekerja kerana alasan tertentu seperti memilih menjadi suri rumah sepenuh masa, melanjutkan pelajaran atau menghadapi masalah kesihatan dianggap tidak berada dalam pasaran buruh (Zulkifly Osman 1989, Zulkifly Osman & Ishak Yussof 2005, Borjas 2005). Jika jumlahnya ramai, ia boleh mempengaruhi kadar penyertaan tenaga buruh di kawasan berkenaan. Di peringkat nasional, kadar penyertaan buruh wanita sememangnya lebih rendah berbanding lelaki, iaitu 45.0% bagi wanita dan 86.1% bagi lelaki (Malaysia, 2004). Trend yang sama ditunjukkan oleh data mengenai kadar penyertaan tenaga buruh di kawasan kajian dengan jumlah kaum wanita yang memilih untuk tidak bekerja adalah lebih ramai berbanding kaum lelaki.

Jadual 4 menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh di Pulau Dayang Bunting adalah bersamaan 61.5%. Kadar penyertaan buruh ini adalah lebih tinggi dengan data yang diperoleh di peringkat Daerah Langkawi, iaitu 56.0% (Majlis Daerah Langkawi 2002) dan kajian sebelum ini di Lembangan Kilim, iaitu 54.0% (Ishak Yussof & Mustaffa Omar 2005). Namun kadar berkenaan masih lagi rendah jika dibandingkan dengan data di peringkat nasional, iaitu sekitar 66.3% (Malaysia 2004). Memandangkan kadar

penyertaan tenaga buruh wanita di kawasan kajian masih rendah, sebarang usaha untuk mengiatkan aktiviti ekonomi penduduk di sini haruslah memberi perhatian kepada sektor-sektor yang bersesuaian supaya sumbangan dan penggunaan tenaga kerja wanita boleh dipertingkatkan.

Jadual 4: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dan Kadar Pengangguran Penduduk di Pulau Dayang Bunting, 2005

Perkara	Bil.	%
Bil. Penduduk Dalam Usia Bekerja (15-64 tahun)	247	61.8
Bil. Tenaga Buruh Dalam Pasaran	152	61.5
Bil. Tenaga Buruh Bekerja	132	86.8
Bil. Tenaga Buruh Tidak Bekerja	20	13.2
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh		61.5
Kadar Pengangguran		13.2

Jadual 5 di bawah pula memberi gambaran tentang profil tenaga buruh di pulau kajian daripada segi taraf pendidikan. Analisis profil tenaga buruh mengikut taraf pendidikan penting untuk melihat kualiti tenaga buruh yang terdapat di kawasan kajian.

Jadual 5: Profil Tenaga Buruh Mengikut Peringkat Persekolahan Tertinggi di Pulau Dayang Bunting, 2005

Tahap Persekolahan	Status Pekerjaan			
	Bekerja		Tidak Bekerja	
	Bil	%	Bil	%
Tidak sekolah	10	7.6	1	5.0
Sek.Rendah	78	59.1	10	50.0
Sek.Menengah	42	31.8	8	40.0
Maktab/Kolej	2	1.5	0	0.0
Universiti	0	0.0	1	5.0
Jumlah	132	100.0	20	100.0

Jadual 5 menunjukkan bahawa sebahagian besar tenaga buruh di kawasan kajian hanya memiliki tahap pendidikan sama ada pada peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah sahaja. Keadaan ini sudah tentulah akan mencorakkan jenis pekerjaan yang boleh diceburi oleh mereka sesuai dengan kelayakan yang mereka miliki. Hakikatnya, corak aktiviti ekonomi dan suasana pelaburan yang wujud setakat ini di pulau kajian didapati tidak sesuai atau selari dengan kelayakan yang mereka miliki. Dengan sebab itu majoriti mereka yang tidak bekerja juga berada dalam kumpulan pendidikan yang sama. Ketiadaan peluang pekerjaan yang bersesuaian dan mencukupi di kawasan kajian juga menyebabkan mereka ini terpaksa menganggur.

### (c) Isu Pengangguran

Jadual 4 sebelum ini menunjukkan bahawa kadar pengangguran di kawasan kajian adalah agak tinggi, iaitu sekitar 13.2%. Kadar ini dianggap tinggi kerana kadar pengangguran yang dicatatkan untuk Daerah Langkawi pada tahun 2000 hanya sekitar 8.7% sahaja (Majlis Daerah Langkawi 2002). Malah kajian sebelum ini di Lembangan Kilim turut mencatatkan kadar yang lebih rendah, iaitu sekitar 7.8% (Ishak Yussof & Mustaffa Omar 2005). Masalah pengangguran yang tinggi di kawasan kajian perlu diberi perhatian serius memandangkan ia boleh mengundang gejala negatif seperti jenayah, masalah kemiskinan dan masalah sosial lain. Oleh itu analisis yang lebih mendalam perlu dibuat untuk mengenalpasti punca yang membawa kepada masalah pengangguran di kawasan kajian.

Jadual 6 menunjukkan bahawa antara sebab utama tenaga buruh menganggur di kawasan kajian adalah kerana ketiadaan pekerjaan yang sesuai. Hasil tinjauan di kawasan kajian mendapati bahawa tidak terdapat aktiviti ekonomi utama yang boleh menjana peluang pekerjaan di pulau berkenaan. Penduduk lebih banyak bergantung kepada pekerjaan sendiri atau bekerja dengan keluarga yang berasaskan pertanian atau penangkapan ikan. Turut diperhatikan juga bahawa sektor pembuatan yang lazimnya berupaya menjana peluang pekerjaan dengan lebih banyak kurang berkembang di kawasan kajian. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh masalah pengangkutan atau ketiadaan insentif dan peluang-peluang pelaburan yang mencukupi dalam sektor ini di kawasan berkenaan.

Jadual 6: Sebab Tenaga Buruh Tidak Bekerja di Pulau Dg. Bunting, 2005

Alasan Tidak Bekerja	Bil	%
Masalah kesihatan/cacat	4	20.0
Akan lanjut pelajaran	1	5.0
Akan mula kerja baru	1	5.0
Tiada pekerjaan sesuai	9	45.0
Tunggu jawapan kerja	2	10.0
Diberhentikan kerja	0	0.0
Bersara/sudah tua	2	10.0
Lain-lain	1	5.0
Jumlah	20	100.0

Dalam konteks ini, untuk menggalakkan sektor pembuatan berkembang industri makanan yang berasaskan sumber laut atau pertanian mungkin boleh dimajukan setelah mengambilkira potensi sumber berkenaan yang wujud di kawasan kajian. Namun begitu, analisis kos dan faedah yang lebih terperinci perlu dilakukan supaya langkah untuk memajukan industri tersebut boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Selain itu, data yang diperolehi juga menunjukkan bahawa di Pulau Dayang Bunting terdapat sejumlah pesara, iaitu sekitar 10% berada pada usia 56-64 tahun, di mana mengikut definisi ekonomi buruh masih dianggap sebagai tenaga buruh produktif. Oleh itu pengalaman dan tenaga kerja mereka ini masih boleh digembling untuk



membangunkan kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Sebab lain tenaga buruh tidak bekerja adalah kerana sedang menunggu pekerjaan baru atau disebabkan oleh masalah kesihatan.

Selain faktor ekonomi, isu pengangguran juga berkait rapat dengan ciri-ciri buruh itu sendiri. Misalnya, pengangguran boleh dikaitkan dengan faktor jantina, umur dan juga peringkat persekolahan tenaga buruh tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar daripada tenaga buruh yang menganggur adalah daripada kalangan mereka yang berumur antara 15 hingga 24 tahun dan hanya memiliki tahap pendidikan hingga sekolah menengah sahaja. Oleh yang demikian sebarang strategi yang ingin dicadangkan untuk mengatasi masalah pengangguran di kawasan kajian perlu mengambilkira faktor-faktor tersebut agar ia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

#### (d) Struktur Pekerjaan dan Profil Gunatenaga

Pada umumnya, sebahagian besar penduduk bekerja dalam sektor pertama yang melibatkan kegiatan pertanian dan perikanan. Jadual 7 menunjukkan 77.3% penduduk di Pulau Dayang Bunting bekerja dalam sektor berkenaan. Penemuan ini didapati tidak jauh berbeza dengan hasil penemuan sebelum ini oleh Rehanstat Sdn Bhd (LADA 1999). Sektor kedua terbesar yang melibatkan guna tenaga setempat ialah sektor perkhidmatan terutama dalam penawaran khidmat komuniti, sosial dan personel. Namun, peratus guna tenaga setempat yang terlibat dalam sektor ini masih jauh lebih rendah di pulau tersebut.

Jadual 7: Gunatenaga Mengikut Jenis Industri Berdasarkan Pekerjaan Utama Responden di Pulau Dayang Bunting, 2005 (%)

Jenis Industri	(N=132)
Pertanian, Perhutanan, Penternakan & Perikanan	77.3
Perlombongan & Kuari	-
Pengeluaran & Pembuatan	0.8
Elektrik, Gas & Air	-
Pembinaan	1.5
Pemborong, Peruncitan, Restoran & Hotel	6.1
Pengangkutan, Pengstoran & Komunikasi	3.0
Kewangan, Insuran, Hartanah & Perniagaan	-
Khidmat Komuniti, Sosial dan Personal	11.4
Jumlah	100.0

Kajian ini juga mendapati bahawa lebih dua pertiga daripada penduduk di kawasan kajian masih terlibat dalam jenis pekerjaan berkaitan pertanian dan perikanan (lihat Jadual 8). Keterlibatan mereka dalam pekerjaan berorientasi perniagaan dan pelancongan masih terlalu kecil. Hasil penemuan ini adalah bertentangan dengan arus pembangunan yang sedang berlaku di pulau besar Langkawi yang lebih memberi penekanan kepada perkembangan sektor perniagaan, restoran dan perhotelan. Ini bermakna, kesan pembangunan Langkawi tidak banyak memberi kesan limpahan kepada penduduk yang

mendiami beberapa pulau kecil disekitarnya, khususnya yang berkaitan dengan industri pelancongan.

Jadual 8:Gunatenaga Mengikut Jenis Pekerjaan Berdasarkan Pekerjaan Utama Responden di Pulau Dayang Bunting , 2005 (%)

Jenis Pekerjaan	(N=132)
Profesional & Teknikal	1.5
Pengurusan & Pentadbiran	0.0
Perkeranian	0.8
Penjualan	6.8
Perkhidmatan	12.1
Pertanian, Perhutanan, Penternakan, & Perikanan	73.5
Pengeluaran, Pembuatan, Pengangkutan, & Buruh	5.3
Jumlah (%)	100.0

Hasil kajian turut mendapati bahawa lebih ramai penduduk di kawasan kajian yang bekerja sendiri berbanding makan gaji. Ini adalah agak selari dengan ciri-ciri pekerjaan yang terdapat dalam sektor pertama yang lebih menekankan kepada ciri pekerjaan sendirian. Jadual 9 menunjukkan 67.4% penduduk di pulau berkenaan adalah bekerja sendiri. Manakala mereka yang bekerja makan gaji adalah sekitar 31.1% sahaja. Peratusan ini adalah lebih kecil berbanding kajian sebelum yang mendapati kumpulan pekerja makan gaji adalah sebanyak 47.5% (LADA 1999). Berkurangnya penduduk bekerja makan gaji ini menunjukkan bahawa peluang-peluang pekerjaan sebegini sejak beberapa tahun ini telah berkurangan di kawasan kajian. Lantas, mereka ini terpaksa kembali ke pekerjaan asal dengan bekerja sendiri sebagai petani dan nelayan bagi menampung kehidupan seisi keluarga.

Selain itu hasil analisis kajian juga menunjukkan bahawa peratus penduduk yang menjadi majikan juga amat kecil, iaitu 1.5% di pulau ini. Ini seolah-olah memberi gambaran bahawa ciri-ciri masyarakat keusahawanan masih belum kuat bertapak di kawasan kajian. Memandangkan pulau ini mempunyai banyak sumber dan potensi yang boleh dibangunkan terutama berkaitan pelancongan, pengetahuan yang berkaitan dengan keusahawanan adalah sangat penting dan perlu dibangunkan demi memajukan masyarakat yang mendiami pulau ini pada masa hadapan.

Jadual 9:Status Pekerjaan Utama Penduduk di Pulau Dayang Bunting, 2005 (%)

Status Pekerjaan Utama	(N=132)
Majikan	1.5
Pekerja Bergaji/Upahan	31.1
Bekerja Sendiri	67.4
Pekerja Keluarga Tanpa Upah	0.0
Lain-lain	0.0
Jumlah	100.0

Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak ramai penduduk yang terlibat dengan pekerjaan sampingan. Jadual 10 menunjukkan bahawa hanya sekitar 5.3% penduduk mengatakan mereka ada memiliki pekerjaan sampingan. Pekerjaan sampingan adalah penting untuk menjana pendapatan tambahan kepada isi rumah, terutama kepada mereka yang berkerja dalam sektor pertama yang seringkali dikaitkan dengan pendapatan yang rendah. Oleh itu pekerjaan sampingan diperlukan untuk membantu keluarga mendapat pendapatan tambahan untuk menyara keluarga. Kekurangan pekerjaan sampingan ini mencerminkan bahawa aktiviti dan peluang-peluang ekonomi yang agak perlahan dan terbatas di kawasan kajian.

Jadual 10: Tenaga Buruh Yang Memiliki Pekerjaan Sampingan di Pulau Dayang Bunting, 2005

Memiliki Pekerjaan Sampingan	Bil	%
Ya	7	5.3
Tidak	125	94.7
Jumlah	132	100.0

**(e) Tingkat Pendapatan Penduduk**

Tingkat pendapatan penduduk adalah dipengaruhi oleh jenis pekerjaan yang mereka ceburi. Memandangkan sebahagian besar penduduk bekerja dalam sektor utama, maka pendapatan mereka adalah dicorakkan oleh ciri-ciri yang lazimnya terdapat pada sektor berkenaan, iaitu berpendapatan rendah. Jadual 11 jelas menunjukkan bahawa lebih 90% penduduk di kawasan kajian menerima pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Malah, daripada jumlah tersebut, lebih separuh (60.6%) daripada mereka ini memperoleh pendapatan kurang RM500 sebulan. Analisis kajian mendapati purata (min) pendapatan untuk mereka yang memiliki pekerjaan utama adalah sekitar RM570 sahaja sebulan. Pendapatan yang agak rendah ini sedikit sebanyak turut mencerminkan sektor pekerjaan yang mereka ceburi yang lebih bersifat saradiri. Walaupun dicampur pendapatan daripada pekerjaan utama ini dengan sumber pendapatan lain, min pendapatan ini masih lagi rendah iaitu sekitar RM602 sebulan.

Jadual 11: Taburan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Pekerjaan Utama di Pulau Dayang Bunting, 2005

Pendapatan	Bil	%
RM500 ke bawah	80	60.6
RM501 - RM1000	40	30.3
RM1001 - RM2000	10	7.6
RM2001 - RM3000	1	0.8
RM3001 ke atas	1	0.8
Jumlah responden	132	100.0

Analisis selanjutnya adalah mengenai pola pendapatan penduduk mengikut jenis pekerjaan dan ini ditunjukkan dalam Jadual 12. Bagi pulau kajian, sebahagian besar mereka yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan adalah bekerja sebagai nelayan. Tingkat pendapatan yang rendah ini adalah berkait rapat dengan ciri-ciri nelayan pantai tradisional yang merupakan jenis pekerjaan utama bagi sebahagian besar penduduk di pulau ini. Nelayan di sini lebih tertumpu kepada aktiviti menangkap udang yang bersifat bermusim. Alat kelengkapan menangkap udang dan ikan yang mudah dan bot yang bersaiz kecil menyebabkan sebahagian besar mereka ini hanya terlibat sebagai nelayan pantai. Manakala aktiviti penangkapan ikan laut dalam hampir tidak kedapatan di pulau ini.

Peratusan mereka yang mendapat pendapatan yang lebih tinggi, iaitu melebihi RM1,000 sebulan adalah terlibat dalam pekerjaan perniagaan. Ini bermakna di pulau ini, golongan peniaga merupakan golongan yang lebih berupaya menjana pendapatan yang lebih besar. Terdapat juga di kalangan penduduk yang bekerja dalam sektor perkhidmatan dengan bekerja makan gaji dan memperoleh pendapatan melebihi RM1,000 sebulan. Mereka ini adalah kakitangan awam yang bekerja sama ada sebagai guru sekolah, polis atau kakitangan sokongan FELCRA yang terdapat di pulau berkenaan.

Jadual 12: Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Utama dan Tingkat Pendapatan di Pulau Dayang Bunting, 2005

Jenis Pekerjaan	Sela Pendapatan (RM) dalam peratus					Jumlah (%)
	500 ke bawah	501 - 1000	1000 - 2000	2001 - 3000	3001 ke atas	
Pembantu Juruteknik	0.0	2.5	0.0	0.0	0.0	0.8
Guru	0.0	0.0	10.0	0.0	0.0	0.8
Jurutaip/Trengkas/Setiausaha	1.3	0.0	0.0	0.0	0.0	0.8
Pekerja Perniaga Keluarga	0.0	0.0	30.0	0.0	100.0	3.0
Pemborong/Jualan Runcit	0.0	2.5	0.0	0.0	0.0	0.8
Peniaga	1.3	0.0	10.0	0.0	0.0	1.5
Pekerja Jualan Lain	1.3	2.5	0.0	0.0	0.0	1.5
Tukang Gunting/Jahit	0.0	2.5	0.0	0.0	0.0	0.8
Pengawal/Jaga	1.3	2.5	0.0	0.0	0.0	1.5
Polis/Posman/Bomba/Askar	0.0	2.5	0.0	0.0	0.0	0.8
Pekerja Perkhidmatan Lain	6.3	10.0	20.0	100.0	0.0	9.1
Buruh Ladang	13.8	7.5	0.0	0.0	0.0	10.6
Petani	3.8	2.5	0.0	0.0	0.0	3.0
Nelayan	68.8	57.5	10.0	0.0	0.0	59.8
Pemandu bas/teksi/lori	2.5	5.0	20.0	0.0	0.0	4.5
Operator kilang	0.0	2.5	0.0	0.0	0.0	0.8
Jumlah responden (N)	80	40	10	1	1	132

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ke atas Pulau Dayang Bunting harus dilihat daripada perspektif eko-sistem pulau berdasarkan sifat fizikal pulau berkenaan yang agak berbeza berbanding kawasan-kawasan lain di pulau besar Langkawi. Kesan pembangunan Langkawi ke atas masyarakat di Pulau Dayang Bunting pada umumnya adalah jauh lebih kecil berbanding impaknya ke atas masyarakat yang mendiami kawasan di pulau besar Langkawi seperti yang berlaku di Lembangan Kilim (Mohd Shafeea Leman et al. 2005). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kedudukan Lembangan Kilim yang lebih hampir dengan pusat pertumbuhan di Kuah, Padang Lalang dan Padang Mat Sirat telah menyebabkan penduduknya menerima kesan yang lebih baik daripada pembangunan Langkawi (Ishak Yussof & Mustaffa Omar 2005; Gusni Saat 2005). Sebaliknya, bagi Pulau Dayang Bunting yang dipisahkan dari pusat pertumbuhan Kuah oleh Selat Kuah, maka kesan pembangunan yang berlaku adalah jauh lebih kecil dan terhad. Justeru, pembangunan Langkawi diperhatikan tidak banyak membawa kesan limpahan kepada pembangunan dan kemajuan ke pulau berkenaan.

Sebaliknya, hasil kajian mendapati berlaku apa yang disebutkan sebagai 'kesan surutan' (menurut persektif ekonomi tenaga buruh) kerana sebahagian besar tenaga buruh produktif yang ingin menyertai pasaran pekerjaan dari pulau ini terpaksa berpindah atau berulang alik ke pulau besar Langkawi. Ini disebabkan peluang pekerjaan banyak terdapat di sana, terutama di sekitar pekan Kuah. Pemerhatian pengkaji semasa di lapangan menunjukkan bahawa tidak banyak aktiviti-aktiviti ekonomi moden yang berkembang di pulau kajian. Sebaliknya, aktiviti ekonomi penduduk lebih berkisar kepada kegiatan tradisional terutama dalam sektor perikanan dan pertanian.

Walaupun peratus tenaga buruh produktif di pulau ini agak besar, iaitu melebihi 60%, namun kadar penyertaan tenaga buruhnya adalah masih rendah terutama di kalangan wanita. Ketiadaan peluang pekerjaan yang bersesuaian telah menyebabkan sebahagian besar penduduk dalam kumpulan umur produktif (terutama mereka dalam usia 25 hingga 44 tahun) telah berhadapan dengan masalah pengangguran. Kadar pengangguran di kawasan kajian dilaporkan agak tinggi (13.2%) berbanding kawasan-kawasan lain di tanah besar Langkawi. Bagi yang bekerja, mereka sekadar melakukan kerja sambilan dengan membantu ketua keluarga dalam aktiviti penangkapan ikan atau bertani.

Untuk meningkatkan kadar penyertaan buruh dan mengatasi masalah pengangguran di kawasan kajian, langkah mengiatkan aktiviti ekonomi moden perlu dilakukan. Antaranya dengan memberi insentif bersesuaian kepada pelabur yang berasaskan penggunaan sumber setempat. Ini termasuklah menggalakkan pelaburan dalam perusahaan memproses makanan berasaskan sumber laut dan industri kraftangan. Langkah ini dilihat dapat mengurangkan masalah pengangguran yang berlaku dan secara tidak langsung turut berupaya meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita yang masih rendah di kawasan kajian (White 2001). Pada umumnya, penduduk di pulau ini masih terlibat dalam pekerjaan tradisional terutama berkaitan sumber laut sebagai nelayan pantai atau petani saradiri. Kebanyakan mereka bekerja sendiri (67.4%) dan keadaan pekerjaan sebegini telah mempengaruhi tingkat pendapatan yang mereka diperolehi dengan purata keseluruhan pendapatan isi rumah daripada pekerjaan utama dan sumber-sumber lain yang rendah, yakni di sekitar RM600 sebulan. Berasaskan tingkat

pendapatan sedemikian, jumlah isirumah yang berada dalam kategori miskin adalah tinggi di pulau tersebut. Masalah kemiskinan di kalangan penduduk hanya boleh diatasi jika tingkat pendapatan dari sumber pekerjaan utama dapat ditingkatkan. Oleh itu langkah-langkah yang lebih agresif dan berkesan ke arah menjadikan pekerjaan utama penduduk di pulau berkenaan lebih bersifat produktif perlu dilakukan. Misalnya, meluaskan aktiviti pekerjaan utama mereka kepada berskala besar. Kegiatan menangkap ikan atau udang perlu menggunakan bot dan peralatan yang lebih moden. Manakala dalam kegiatan berasaskan pertanian pula perlu diperkenalkan penggunaan biji benih, baja dan teknologi pengeluaran yang bersesuaian. Dalam kegiatan penternakan, terutama yang berkaitan dengan hasil laut dan binatang ternakan, perlulah diusahakan secara komersil. Pihak berkuasa tempatan, khususnya LADA dan Pejabat Daerah boleh memainkan peranan penting membantu menyelaras dan menyalurkan projek-projek yang mempunyai nilai tinggi pengganda ekonomi yang berupaya meningkatkan tingkat pendapatan penduduk. Dalam masa yang sama, pelaburan dalam pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan pengindahan kawasan pulau perlu dipertingkatkan bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke pulau berkenaan. Untuk maksud ini produk pelancongan berpotensi yang terdapat di pulau ini perlu dimajukan dengan sepenuhnya.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya penemuan kajian mendapati bahawa proses pembangunan pulau Langkawi masih belum mempunyai kesan serakkan yang meluas ke pulau-pulau kecil di sekitarnya, termasuklah Pulau Dayang Bunting. Di pulau ini, aktiviti ekonomi penduduknya masih lagi berteraskan sektor pertanian dan nelayan kecil. Ini disebabkan tidak banyak projek pembangunan dan aktiviti ekonomi moden yang dibangunkan di pulau berkenaan. Justeru, sebahagian besar tenaga buruh di pulau ini bekerja di pulau besar Langkawi, seperti di pekan Kuah dan kawasan sekitarnya. Pada umumnya keadaan struktur dan pembangunan ekonomi yang berlangsung di Pulau Dayang Bunting telah mencorakkan kadar penyertaan buruh yang rendah, khususnya dalam kalangan wanita dan kadar pengangguran yang agak tinggi. Keadaan ini telah mempengaruhi tingkat pendapatan penduduk dan seterusnya masalah kemiskinan di pulau ini. Sehubungan dengan masalah tersebut, rancangan memajukan pulau ini perlu dipergiatkan terutama yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan dan perikanan.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini telah dilakukan di bawah biaya Projek Penyelidikan Fundamental UKM no. XX/001/2005. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ditujukan kepada Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL) LESTARI-UKM, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Majlis Daerah Langkawi, pengerusi-pengerusi JKKK dan penduduk di Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting yang membantu menjayakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Anand, S. & Sen, A. 2000. Human Development and Economic Sustainability. *World Development*, 28(12): 2029-2049.
- Anwar Abd. Rahman & Nik Husni Nik Rashid. 2005. Perancangan Pembangunan Sosio-Ekonomi dan Pelancongan untuk Kawasan Sekitar Kilim, Langkawi, dalam Mohd Shafeea Leman et al. (pynt). *Lembangan Kilim – Warisan Budaya dan Sumber Asli Langkawi*, Bangi: LESTARI UKM.
- Borjas, G.J. 2005. *Labour Economics*. 3rd ed. New York: McGraw-Hill Higher Education.
- Garegnani, P. 1970. Heterogeneous Capital, the Production Function and the Theory of Distribution, *Review of Economic Studies*, V. 37, N. 3 (Jul): 407-436.
- Ishak Yussof & Mustaffa Omar. 2005. Pembangunan Langkawi dan Mobiliti Pekerjaan Penduduk di Lembangan Kilim, dalam Mohd Shafeea Leman et al. (pynt). *Lembangan Kilim – Warisan Budaya dan Sumber Asli Langkawi*, Bangi: LESTARI UKM.
- LADA. 1999. Kajian Kependudukan dan Sosio-Ekonomi Pulau Langkawi, Pulau Langkawi: Lembaga Pembangunan Langkawi.
- Majlis Daerah Langkawi. 2002. Kajian Rancangan Tempatan Daerah Langkawi, *Laporan Teknikal No. 3.0 - Sosio Ekonomi*, Pulau Langkawi: Majlis Daerah Langkawi.
- Malaysia. 2004. Laporan Ekonomi 2004/05. Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Meier, G.M. 1985. *Leading Issues in Economic Development*, 4th Edition, New York: Oxford University Press.
- Ranis, G., Stewart, F. & Ramirez, A. 2000. Economic Growth and Human Development. *World Development*, 28(2): 197-219.
- Saudah Ahmad. 2003. Impak Industri Pelancongan Ke Atas Status Sosio-ekonomi Penduduk Tempatan: Kajian Kes di Pulau Tuba, Langkawi. Kertas Ilmiah Sesi 2002/2003, Fakulti Ekonomi, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafeea Leman, Ibrahim Komoo, A. Latiff & Hood Salleh (pynt). 2005. *Lembangan Kilim – Warisan Budaya dan Sumber Asli Langkawi*, Bangi:LESTARI UKM.
- Thirwall, A.P. 1989. *Growth and Development*, 4th Edition, MacMillan: London.
- Todaro, M.P. 1994. *Economic Development in the Third World*, Longman: New York.
- White, G. 2001. The Poverty of Conventional Economic Wisdom and the Search for Alternative Economic and Social Policies, *The Drawing Board: An Australian Review of Public Affairs*, V. 2, N. 2 (Nov.): 67-87
- Zulkifly Osman, 1989. *Ekonomi Buruh: Teori Permintaan & Penawaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifly Osman & Ishak Yussof. 2005. The Sarawak Labour Market: Issues and Future Challenges. Asian Profile Vol. 33, No. 2, April, Asian Research Service, Canada: 139-155. <http://www.asianresearchservice.com/Asianprofile.htm>.

Ishak Yussof  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor  
Malaysia.  
Email: [iby@ukm.my](mailto:iby@ukm.my)

Mustaffa Omar  
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor  
Malaysia.  
Email: [momar@ukm.my](mailto:momar@ukm.my)

Gusni Saat  
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor  
Malaysia.  
Email: [sgusni@fss.unimas.my](mailto:sgusni@fss.unimas.my)